

Cara Menyiar dan Mengembangkan Islam Dewasa Ini

Islam tak dapat dipaksakan tetapi harus ditumbuhkan dengan beransur-ansur. Ada yang mengira bahawa hukum agama atau hukum negara dapat dipaksa asal sudah memegang kekuasaan apalagi alat-alat senjata, dan kufur dapat dibasmi asal ada senjata di tangan.

Tetapi sejarah membuktikan bahawa sesuatu agama atau faham atau aliran fikiran dan kepercayaan hanya dapat ditumbuhkan dalam hati manusia dan berkembang di tengah-tengah masyarakat bila ia ditanam dengan ajaran dan pendidikan, dengan keterangan dan penerangan yang beransur-ansur sehingga menjadi keyakinan yang mendalam dalam hati nurani yang menggerakkan manusia itu menurut perintah-perintah agama atau ajaran yang diajarkan kepadanya.

Contoh Amalan Nabi

Sebagaimana halnya contoh yang diberikan oleh Nabi Muḥammad (S.A.W) sendiri, maka ajarannya diterima oleh pengikut-pengikutnya dengan beransur-ansur, diberikannya sedikit demi sedikit sehingga memakan masa yang panjang, iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah, jumlahnya 23 tahun. Hal ini dapat dibuktikan dengan turunnya al-Qur'ān dengan cara "sedikit demi sedikit", kadang-kadang 2 atau 3 ayat lebih, bukan dengan sekaligus. Hikmatnya seperti dinyatakan oleh al-Qur'an sendiri: "*linuthabbita bihi fu'ādak*" (supaya ditetapkan hatimu dengannya).

Kalaupun Nabi Muḥammad (S.A.W) berkuasa sebagai Yang Dipertua Negara, tetapi tidaklah pernah baginda memaksakan iman kepada siapa-siapa pun, malahan tetap sentiasa

menginsafkan dan menundukkan orang itu kepada hukum dan ajaran Islam melalui jalan: "*fadhakkir innamā anta mudhakkir, lasta 'alayhim bi muṣaytir*". (Peringatkanlah, engkau hanyalah pemberi ingat. Bukanlah engkau pemaksa). Sentiasa baginda menempuh jalan "*da 'wah bi al-ḥikmah*" (seruan dan ajakan dengan bijaksana), "*maw'izat ḥasanah*" (nasihat yang baik), dan "*mujādalat billatī hiya aḥsan*" (bertukar fikiran dengan cara yang lebih baik), sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah '*azza wa jalla*.

Tatkala wakil-wakil utusan kaum Nasrani Najran dari Yaman datang mengadap baginda di Madinah. mereka telah diterima dengan sepenuh-penuh kehormatan lalu baginda bertukar-tukar fikiran dengan mereka. Mereka pun balik ke tempat masing-masing memikirkan dengan baik apa yang mereka telah dengar dari huraian baginda.

Memang dipandang dari segala ilmu jiwa, segala sesuatu yang dipaksakan itu, tidak tahan lama, atau dibenarkan orang pada zahirnya tetapi dalam batinnya diingkarinya dan makin dikeraskan pemaksaan itu makin keras tindak balas jiwa menolaknya.

Ini terbukti dari sejarah agama-agama dan sejarah ideologi-ideologi falsafah, makin ditindas dan dibasmi

dengan kekerasan, makin ia bermaharajalela. Kerana:

“al-Insān majbūl ‘alā ḥubbun mā muni ‘a” (Manusia itu

bertabiat suka melakukan apa yang dilarang).

Islam bukan nama dan tanda, tetapi iman, tingkah laku dan amal perbuatan.

Sebagaimana yang telah diketahui, yang dinamakan “Islam” itu bukanlah hanya asal nama dan tanda memakai kata-kata Islam, tetapi amal dan perbuatan serta tingkah laku mestilah sesuai dengan ajaran dan hukum Islam.

Di gelanggang perjuangan dan persaingan segala faham dan keyakinan hidup di dunia ini, kemenangan kelak tidak ditentukan oleh nama, tanda dan pengakuan lidah, tetapi oleh hasil, nilai dan mutu amal perbuatan.

Berhubung dengan ini, kenanglah firman Allah Ta‘ālā”
“Wa ja ‘alnā likulli minkum shir‘atan wa minhājā, liyabluwakum fīmā ātākum ayyukum aḥsanu ‘amalā, fastabiqū al-khayrāt”. (Dan kami jadikan bagi kamu masing-masing: Agama dan aliran, untuk menguji kamu tentang apa yang diberikan kepada kamu, siapa di antara kamu yang baik sekali amal perbuatannya, maka berlumbalah kamu dalam berbuat kebajikan).

Pada pandangan Allah dan pada pandangan umat manusia, pengakuan semata-mata dengan tidak diikuti oleh amal perbuatan yang sesuai dengan pengakuan itu tidaklah diakui, sebagaimana firman Allah Ta‘ālā mengenai Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani), maksudnya:

“Dan mereka berkata: Tidak akan masuk syurga kecuali orang Yahudi atau Nasrani, itu hanyalah angan-angan mereka semata. Katakanlah: “Tunjukkanlah

bukti kenyataan kamu, kalau kamu benar”. Bahkan barang siapa menyerahkan dirinya kepada Allah dan dia berbuat kebajikan, maka baginya pahala di sisi Tuhan dan tidak ia akan takut atau bersedih hati”.

Nyatalah bahawa pahala di akhirat kelak dan kehidupan yang tenteram bebas dari rasa susah dan takut, hanya dapat dicapai dengan sungguh-sungguh menyerah kepadanya, tunduk kepada hukum dan perintahnya, serta melakukan segala kebajikan dalam segala lapangan hidup.

Maka apabila kita menghendaki rakyat dan umat, kita hidup aman, tenteram dan makmur, tidaklah cukup dengan memberi “cap Islam” kepada negeri dan kampung halaman kita, tetapi hendaklah disertai dengan amal usaha perbuatan dan tingkah laku yang baik, yang bersifat membangun dan menyusun, bukan merosak dan membinasakan, sehingga orang dapat melihat bahawa kita betul-betul menjalankan ajaran dan hukum Islam dalam amalan kita, dalam segala peri kehidupan kita hari-hari, dalam pergaulan kita di rumah tangga, dalam nilai barang-barang kita sebagai ahli perniagaan, sebagai ahli perusahaan, sebagai buruh, sebagai pegawai negeri, sebagai kakitangan pemerintah, sebagai pemimpin, apalagi sebagai ulama, sehingga orang dapat bercermin dari amal perbuatan kita, melihat keutamaan dan kemurnian ajaran Islam, sehingga kita menjadi “contoh” Islam yang sebaik-baiknya bagi manusia umumnya, sebagaimana Nabi Muḥammad (SAW) menjadi “contoh” Islam yang sempurna-sempurnanya bagi kita umat Islam, sesuai dengan firman Allah Ta‘ālā:

“Litakūnū shuhadā‘a ‘alā al-nās wa yakūna al-Rasūl ‘alaykum shahīdā”. (Supaya kamu umat Islam menjadi

tauladan bagi umat manusia, dan Rasulullah menjadi tauladan bagi kamu – umat Islam).

Kalau amal perbuatan tidak sesuai dengan nama dan tanda yang dipakai, janganlah orang mengharapkan dengan perbuatan itu akan membersihkan Islam, tetapi hanya akan menodai Islam semata-mata.

Itulah sebabnya, maka Allah menyebutkan kewajipan menghidup suburkan iman dan melipatgandakan amal soleh, perbuatan-perbuatan yang baik, yang bersifat menyusun dan membangun, sesudah Allah memuji orang-orang yang menjalankan *tabligh*, penerangan dan pendidikan Islam.

Menyiarkan Islam dengan Seluas-luasnya

Alim ulama dan mubaligh-mubaligh Islam seyogialah bekerja lebih cergas menyiarkan Islam dan kebudayaannya dalam kalangan masyarakat. Lazimnya tempat-tempat menjalankan usaha-usaha ini ialah di masjid-masjid, surau-surau dan madrasah-madrasah yang pada ghalibnya dikunjungi oleh orang-orang yang sedikit sebanyak berjiwa dan berpengetahuan Islam. Usaha ini hanya berkehendak kepada menjiwainya, sehingga dapat mendorong dan membimbing umat Islam kepada amal perbuatan yang nyata.

Dalam pada itu seyogia di perhati, terutama oleh alim ulama dan mubaligh-mubaligh Islam, lapangan *tabligh* dan penyebaran Islam patut juga diluaskan kepada golongan-golongan yang masih sangat kurang pengertian mereka tentang agama, iaitu:

1. Kaum buruh.
2. Kaum tani.
3. Penduduk-penduduk yang terpencil.
4. Kaum yang terpelajar dengan pendidikan barat

semata-mata.

Mustahak Mengenal Jiwa dan Cara Berfikir

Rasanya tidak payah diperingatkan di sini, bahawa bagi menghadapi soal itu, guru-guru agama dan mubaligh-mubaligh

Islam mustahaklah menyelidiki dan mempelajari cara berfikir orang-orang yang hendak diberi nasihat dan *tabligh* itu.

Di dalam hadis ada dinyatakan: “*Khaṭabū al-nās ‘alā qadri ‘uqūlihim*” (berkata-katalah kepada orang ramai sesuai dengan kadar ukuran akal mereka). Kata “akal” di sini meliputi segala keadaan jiwa mereka, termasuk di dalamnya cara berfikir, keyakinan dan kepercayaan yang sekarang sudah ada dalam hati mereka, cara hidup hari-hari, adat istiadat dan pandangan mereka di alam nyata. Walhasil segala yang termasuk dalam ilmu jiwa, dan ilmu bangsa-bangsa, dalam lingkungan yang khas. Sebab bagaimana doktor akan dapat mengubati sakit kalau tidak diketahuinya lebih dahulu wujud penyakit dan hal ehwal si sakit.

Kalau pekerjaan ini mahu dihadapi dengan cara yang bersungguh-sungguh maka mestilah ada penyelidikan yang mendalam tentang golongan-golongan itu.

Kaedah dan Peraturan

Penyiar-penyiar dan mubaligh-mubaligh Islam kita sekarang, janganlah hendaknya bersikap menunggu orang datang ke tempatnya tetapi hendaklah mereka didatangi ke tempat masing-masing. Bukan sahaja dengan mendatangi dari semasa ke semasa, tetapi hendaklah bergaul dengan mereka sehingga dapat mengenal mereka dari dekat, dan menyelami jiwa serta merasai kehidupan mereka, dan sehingga perhubungan itu merupakan perhubungan persaudaraan yang mesra dan mendapat kepercayaan mereka.

Jalan perantaraan yang biasa kita gunakan ialah bersyarah dan berkhotbah di masjid dan di luarnya. Tetapi patut diperhatikan: Isi syarahan hendaklah bersesuaian dengan tempat dan keadaan pendengar-pendengar kita itu.

(dari buah Qalam Ustaz Muhammad Salih Saidi)